



Pengunjung mendapatkan maklumat mengenai rumah di ruang pempamer pada Pameran Hartanah MyRumah 2019 di Komtar JBCC, Johor Bahru. (Foto Hairul Anuar Rahim /BH)

Lebih 3,397 unit kediaman ditawarkan

Manfaat peluang miliki rumah mampu milik

Oleh Nurul Amanina
Suhaini
cnews@nstp.com.my

Johor Bahru: Pameran hartanah, MyRumah 2019 anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) yang diadakan Komtar JBCC, dekat sini, menawarkan unit rumah pada harga antara RM300,000 hingga RM500,000 sepanjang program ini berlangsung selama tiga hari, bermula kelmarin.

Eksekutif Kanan Pengiklanan NSTP Johor, Hassanudin Malek, berkata rumah mampu biaya di sepanjang pameran itu harus dimanfaatkan pengunjung, selain mengetahui sektor hartanah dan pelaburan aset oleh pemaju.

Katanya, pameran kali ini menyasarkan kira-kira 20,000 pengunjung sama ada rakyat tempatan atau Singapura yang ingin membuat pelaburan.

"Nilai rumah yang ditawarkan ini merangkumi rumah jenis berkembar dan dua tingkat, malah pengunjung turut diberi panduan menarik daripada penceramah tentang bagaima-

mana cara untuk membeli rumah.

"Dengan harga pasaran hartanah itu tidak dapat dinafikan ada yang tinggi, namun keperluan untuk penduduk memiliki rumah itu tetap ada.

"Program ini sememangnya diharapkan berterusan untuk jangka masa panjang, kerana ia memberi kelainan berbanding pameran lain, terutama sambutan dan penerimaan oleh pengunjung mahupun pemaju," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Eksekutif Pemasaran Guocoland (Malaysia) Berhad, Shaine Gan, mempelawa orang ramai mendapatkan maklumat berkaitan pameran hartanah, selain membantu orang ramai, termasuk peminjam yang mahu membeli rumah.

Katanya, pengunjung ditawarkan 10 peratus rebat bagi bayaran pendahuluan, selain 10 peratus diskaun kepada Bumiputera dan khidmat nasihat urusan belian rumah.

MyRumah 2019 di Johor menawarkan lebih 3,397 unit kediaman dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM2.2 bilion.

Siri ketiga pameran hartanah MyRumah Komtar JBCC itu disertai oleh lapan pemaju iaitu Bukit Peleli Properties Sdn Bhd, Dynasty View Sdn Bhd, Guocoland (Malaysia) Berhad, Johor Land Berhad, KPKT

serta Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Seri Alam Properties Sdn Bhd dan UDA Land (South) Sdn Bhd.

Ia juga turut disertai MB-SB Bank Berhad, Lionmas Furnishers (M) Sdn Bhd, Oriental Food Industries Sdn Bhd, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Takaful Ikhlas Bhd.

Sementara itu, hari kedua MyRumah 2019 di Komtar JBCC, yang mendapat kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu menampilkan empat sesi ceramah yang bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Aktiviti dimulakan pada jam 11 pagi dengan ceramah daripada wakil MyCribBooking.com, Akmal Nizam dengan tajuk 'Adakah Homestay Johor Bersedia untuk Visit Malaysia 2020'.

Sesi ceramah diteruskan pada jam 2.10 petang oleh Pengasas Pejuang Hartanah, Ahyat Ishak, dengan topik '4 soalan ajaib sebelum beli rumah pertama'.

Penceramah ketiga ialah pada jam 3 petang oleh Jurubank, Bella Leana, dengan topik 'Pembinaan Rumah Pertama, manakala sesi ceramah berikutnya menampilkan Ketua Sektor Awam Takaful Ikhlas, Azrina Torman yang membawa topik 'Kontrak Takaful Pembinaan Perumahan Penjawat Awam'.



Pengunjung mendapatkan maklumat MyRumah di ruang pameran NSTP.